

# Raja Perlis dianugerah Pingat Jasa Malaysia

um/18.04.09/07/1/D/Perlis LG

ARAU 17 April – Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail menerima Pingat Jasa Malaysia (PJM) kerana sumbangan bakti baginda ketika berkhidmat sebagai anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ketika zaman darurat.

Pingat tersebut disampaikan kepada baginda oleh Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal di Bilik Hijau, Istana Arau di sini kelmarin.

Turut berangkat Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid dan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu turut hadir.

Tuanku Syed Sirajuddin memulakan perkhidmatan baginda dalam ATM apabila mengikuti latihan pegawai kadet di Kolej Tentera Persekutuan (FMC) pada 14 Oktober 1963.

Ketika menjalani latihan di FMC, baginda telah terpilih melanjutkan latihan di Akademi Tentera Diraja, Sandhurst, England pada 7 Januari

1964.

Selepas menjalani latihan selama dua tahun, baginda dianugerahkan tauliah jangka tetap dalam Pasukan Peninjau Malaysia sebaik sahaja kembali ke tanah air.

Ketika berkhidmat dalam Pasukan Peninjau, baginda menjawat pelbagai jawatan termasuk Ketua Trup, Pegawai Risik, Ajutan dan Penolong Ketua Skuadron.

Tuanku Raja Perlis yang kini Kolonel Yang Dipertua Kor Rejimen Renjer Diraja dan Kor Polis Angkatan Tentera juga telah mengikuti pelbagai kursus seperti kursus Taktik Pegawai Muda, Kursus Pegawai Muda Peninjau dan Kursus Pegawai Risik.

Setelah kira-kira enam tahun berkhidmat dalam ATM, baginda memohon menamatkan perkhidmatan berkuat kuasa 31 Disember 1969 apabila Majlis Angkatan Tentera yang bersidang meluluskan permohonan tersebut dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong ketika itu.

Tuanku Raja Perlis telah berkhidmat dalam ATM selama enam tahun, dua bulan dan 17 hari.